

SOALAN NO: 19

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL  
RAHIM  
KAWASAN : BALING  
TARIKH : 07 MAC 2018, RABU**

**SOALAN:**

**YB DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah inisiatif Kementerian untuk menambah baik jalan-jalan di sekitar Parlimen Baling seperti Jalan Baling - Kulim, Baling - Sungai Petani, Baling - Pengkalan Hulu yang rosak agar keselamatan pemandu terpelihara serta penambahan lampu-lampu jalan di sepanjang jalan BKE (Butterworth - Kulim Expressway) kerana terdapat banyak kemalangan maut berlaku di kawasan tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited memastikan Jalan Persekutuan diselenggara dengan baik bagi tujuan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya. Berdasarkan semakan, laluan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah merujuk kepada laluan FT004 (Jalan Baling-Kulim), laluan FT067 (Jalan Baling-Sungai Petani), laluan FT076 (Jalan Baling- Pengkalan Hulu) di Baling, Kedah.

Di bawah skop penyenggaraan rutin dan berkala bagi tempoh 3 tahun terakhir, Kementerian Kerja Raya telah memperuntukkan sebanyak **RM13.2 juta** untuk tujuan penyenggaraan di jalan-jalan Persekutuan di daerah Baling. Manakala bagi tahun 2018, Kementerian Kerja Raya bercadang untuk memperuntukkan sebanyak **RM4.2 juta** untuk penyenggaraan turapan di lokasi laluan yang telah dikenal pasti. Walau bagaimanapun, peruntukan yang akan disalurkan adalah tertakluk kepada kelulusan Agensi Pusat (MoF).

Berkaitan isu lampu jalan di Lebuhraya Butterworth-Kulim (BKE), pemasangan lampu jalan di Lebuhraya BKE adalah sepertimana yang telah dipersetujui di dalam perjanjian iaitu melibatkan di kawasan persimpangan bertingkat, kawasan rehat dan rawat serta di kawasan plaza tol. Bagi laluan utama di sepanjang lebuhraya tersebut, tiada pemasangan lampu jalan sebagaimana di dalam perjanjian konsesi. Namun demikian, Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) akan sentiasa memastikan garisan jalan dan pemantul

cahaya di Lebuhraya tersebut sentiasa dalam keadaan baik bagi membantu pemanduan pada waktu malam.

Sekian, terima kasih.